

## LAPORAN PROGRAM PENTAS SAMUDERA MALAYSIA – INDONESIA

*Oleh: Nur Hidayatul Farahi Binti Abdullah & Rafiuddin bin Rohani*

25 – 27 April 2016

Tanjung Pinang, Riau Indonesia

Anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Ibrahim Sultan  
dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Ibrahim Sultan

**25 hingga 27 April 2016** - Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Ibrahim Sultan telah mengadakan Program Pentas Samudera Malaysia-Indonesia di Tanjung Pinang, Riau yang disertai oleh 20 orang pelajar dan seorang pegawai pengiring. Program 3 hari 2 malam ini merangkumi aspek Perkongsian Budaya antara Malaysia dan



Indonesia, Program Khidmat Komuniti dan Penandaarasan yang menjadi agenda utama bagi delegasi kali ini. Hasrat untuk berkongsi idea dan pendapat serta melaksanakan program kemasyarakatan dilihat amat sesuai untuk dilaksanakan di sini. Meskipun Malaysia dan Indonesia dikatakan serumpun, namun masih terdapat sedikit perbezaan yang membuka minda dan pandangan para pelajar. Jauh Perjalanan Luas Pemandangan, itulah yang cuba dizahirkan oleh saudari Azahani Natasha Azman selaku Pengarah Program kali ini dalam mengekalkan adat tradisi serta asal usul yang masih belum tersingkap di minda. Sejarah yang tidak pernah dititikberatkan selama ini ternyata memberi makna yang sangat mendalam. Konsep perkongsian budaya antara dua negara yang seakan tidak gah pada masyarakat sebenarnya memberikan impak yang besar serta mendalam kepada para pelajar. Bukan itu sahaja, kekuatan ukhwh diantara delegasi kali ini telah memberikan suatu cerminan dalam menjalinkan kerjasama positif di antara kedua-dua negara khususnya melibatkan pengantarabangsaan pelajar.



Perjalanan selama 2 jam 30 menit menaiki feri yang melalui Selat Tebrau pemisah Malaysia, Indonesia dan Singapura membuka mata bahawa sempadan Malaysia dan Singapura tidak lah sebesar mana namun perbezaan ketara pembangunan antara kedua Negara dapat dilihat. Setibanya di Tanjung Pinang, kami terus

menuju ke Bintang Permata Resort iaitu hotel tempat kami menginap. Kemudian kami dibawa menikmati hidangan makan tengah hari di Dapoer Melayu yang dikatakan keaslian makanan Melayu dapat dirasai di sini. Bermula di sinilah, kami bersama wartawan TV Kepulauan Riau (KEPRI) menjalani penggambaran bersama *Yamaha Rider Club (YRC)*.



Kami terus ke Pusat Kraftangan Budaya Indonesia (PKBI) - Komunitas Siput Gonggong untuk melihat hasil kraftangan yang diperbuat daripada siput gonggong. Di sana, kami melihat hasil kreativiti dan inovasi masyarakat Indonesia yang menggunakan bahan semulajadi iaitu Siput



Gonggong sebagai salah satu hasil pendapatan mereka. Hasilnya, pelbagai produk dihasilkan seperti perhiasan rumah, rantai dan sebagainya untuk dijadikan hasil kraftangan yang sesuai dibawa pulang sebagai cenderahati kepada ahli keluarga. Pengalaman serta

kaedah pembuatan juga turut dikongsi bersama. Ternyata di mana ada keinginan di situ ada usaha. Berbekalkan kreativiti, sesuatu produk yang dianggap tidak mempunyai nilai menjadi



salah satu pencetus komunitas ini untuk terus mengekspresikan idea mereka melalui karya yang mereka hasilkan. Melalui pemerhatian kami, hasil kraf tangan yang terhasil tidak mempunyai salinan atau edisi terhad. Hasil kraftangan mereka juga mempunyai nilai estetika yang tersendiri selain menjadi *trademark* bagi komunitas ini.

Seterusnya, kami menuju ke Dataran Raja Ali Haji. Di sana kami mendengar penerangan mengenai sejarah Tanjung Pinang oleh pemandu pelancong kami iaitu En Fairullah berkaitan asal usul ketamadunan Nusantara atau Alam Melayu bermula dari Tanjung Pinang. Raja Ali Haji merupakan seorang raja yang memerintah Tanjung Pinang suatu masa dahulu yang dikatakan di bawah Kerajaan Johor Riau. Makanan utama di Tanjung Pinang ialah nasi dagang di mana nasi yang ditanak tanpa santan berbekalkan satu jenis lauk untuk dibawa berdagang suatu masa dahulu.



Oleh kerana Tanjung Pinang merupakan pusat pemerintahan Kerajaan Johor Riau, makanya Tanjung Pinang lebih dikenali sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan. Di sini, terletak Tugu Pensel dan Tugu Buku sebagai simbolik kepada meluasnya ilmu dan pentingnya penyebaran ilmu suatu masa dahulu.

Kawasan persekitaran di Tanjung Pinang mengingatkan kami kepada cerita Melayu klasik yang memaparkan kehidupan harmoni penduduk kampung. Bangunan yang dibina juga lebih bercirikan seni bina alam Melayu. Kesimpulannya, Bandar Tanjung Pinang di Kepulauan Riau ini bermotifkan seni bina alam Melayu dan masih kuat adat tradisinya. Ketamadunan Melayu jelas terlihat di sekitar Bandar ini.



Perjalanan diteruskan pada hari kedua ke Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH) untuk perkongsian budaya dan diskusi berkaitan program pengantarabangsaan. Kami disambut oleh Prof Syafsir Aklus (Rektor UMRAH), Prof Firdaus (Wakil Rektor bidang Akademik dan Kerjasama) dan En Ulul Azmi (Pegawai Pengantarabangsaan UMRAH). Majlis dimulakan dengan ucapan dari pegawai pengiring delegasi Malaysia, En Rafiuddin Rohani dan seterusnya oleh Prof Syafsir Aklus, Rektor UMRAH mengalukan kedatangan dan ketibaan Delegasi Malaysia dari Politeknik.

Majlis diteruskan dengan perkongsian budaya oleh kedua-dua negara. Delegasi Malaysia memperkenalkan baju tradisi etnik - etnik di Malaysia iaitu dari etnik India (Sari), etnik Orang Ulu dan etnik Iban serta etnik Kadazandusun, manakala delegasi Indonesia memperkenalkan pakaian asli Tanjung Pinang yang dizahirkan dalam tarian selamat datang.



Sementara menunggu untuk acara perkongsian makanan oleh kedua buah negara, agenda berbalas pantun secara spontan oleh kedua pasukan Malaysia dan Indonesia berlangsung. Kecekapan dan kepetaan kedua pasukan membeli dan membalas pantun secara spontan menunjukkan bahawa tradisi adat melayu tidak dilupakan oleh generasi muda masa kini.

Kemudian, sesi diskusi diteruskan melalui pertukaran idea, pendapat dan cadangan antara kedua universiti. Sesi diskusi ini memberi pengetahuan baru dari segi sistem pendidikan yang diguna pakai oleh kedua buah negara dan bagaimana sistem ini terlaksana. Acara diteruskan dengan perkongsian makanan oleh kedua pihak universiti. Bagi delegasi Malaysia, pihak PIS memperkenalkan Tangyuan (Makanan Kaum Cina), Badak Berendam (Makanan Kaum Melayu) dan Masalodeh (Makanan Kaum India) manakala pihak UMRAH memperkenalkan



Sempolan iaitu siput sedut yang dimasak bersama sayur – pucuk ubi, paku pakis, kangkung dan bayam. Rasanya seakan masak lemak cili padi tetapi lebih pedas serta teksturnya agak melekit kerana masakan itu dicampuri dengan tepung ubi. Setelah acara utama selesai, delegasi Malaysia menghiburkan peserta dengan aktiviti “energizer” untuk menghidupkan suasana dan beramah mesra dengan perwakilan pelajar UMRAH. Pihak UMRAH pula mempersembahkan gurindam 12 yang terkenal di Tanjung Pinang hasil ciptaan Raja Ali Haji dengan diiringi tarian. Nazam



gurindam itu menyentuh jiwa serta menggamit memori klasik Melayu di mana unsur nasihat yang diwariskan kepada generasi dahulu berjaya mengajak para pendengar jatuh cinta kepadanya. Ia juga adalah garapan dari terjemahan naskhah al -Quran. Dalam diskusi

bersama warga UMRAH, telah dinyatakan tentang pembukaan program-program diploma serta kursus pendek untuk pelajar antarabangsa di PIS. Tambahan lagi, wakil delegasi juga telah menyatakan hasrat untuk kunjungan kedua yang akan disertai oleh Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan, Puan Hjh Rashidah Mustapa serta pegawai-pegawai pengantarabangsaan bagi tujuan memberikan keterangan lanjut berkaitan program yang telah disediakan.

Kemudian, kami menuju ke Pantu Asuhan Muhammadiyah yang menempatkan anak-Anak yatim serta kurang berkemampuan. Di sana, kami melakukan aktiviti khidmat komuniti bersama mereka seperti persembahan boria, *energizer*, dan seterusnya melakukan gotong royong pembersihan kawasan pantu asuhan tersebut.



Sumbangan disampaikan kepada wakil Pantu Asuhan berupa dana dari pihak delegasi



Malaysia. Kami juga berpeluang menunaikan solat Asar berjemaah bersama mereka di surau. Meskipun hidup dalam serba sederhana, potensi diri anak - anak di pantu asuhan ini tidak kurang hebatnya. Ada di antara mereka yang mempelajari ilmu seni mempertahankan diri iaitu silat.

Persembahan seni silat dari Indonesia kepada kami sedikit sebanyak membuktikan bahawa hidup dalam kesederhanaan bukan punca utama untuk tidak berjaya. Apa yang lebih menarik minat kami apabila ada juga di antara mereka yang dianugerahkan suara yang lunak apabila mereka mendendangkan lagu kepada kami. Aktiviti di Pantu Asuhan ini bukan terhenti setakat itu sahaja. Pelbagai lagi aktiviti yang telah dijalankan seperti pencarian pelajar yang berani tampil ke hadapan, pencarian pelajar yang berbakat serta lawatan sekitar kawasan.



Sepanjang berada di Panti Asuhan ini, rakaman TV KEPRI terus dijalankan khusus untuk perjalanan program sepanjang tiga hari ini. Rakaman dimulakan dengan penglibatan YRC



sebagai salah satu kelab yang aktif dalam program CSR dan kemudian diikuti dengan wakil delegasi Malaysia. TV KEPRI yang terkenal dengan tagline “TVnya masyarakat Kepulauan Riau” dilihat aktif dalam program-program bercorak kemasyarakatan khas untuk penduduk di sini. Program yang telah dijalankan oleh kami telah menarik minat YRC serta wartawan TV



untuk dijadikan salah satu slot rancangan mereka. Aktiviti yang dijalankan adalah berkisar kepada kawasan sekolah, asrama dan sekitarnya. Kutipan sampah, pembersihan kawasan diselangselsi bersama *energizer* yang dilakukan bersama para pelajar di sana. Bagi pelajar lelaki, perlawanan futsal dijalankan di antara delegasi Malaysia dan Indonesia untuk mengeratkan lagi ukhwah di antara mereka. Pihak YRC, pegawai serta wartawan masing-masing mencari sudut terbaik dalam penggambaran yang dijalankan dan seterusnya akan dipaparkan di dalam slot rancangan TV mereka. Kerjasama ini amat baik untuk hubungan kedua-dua negara dalam program-program seterusnya.

Keesokan harinya sebelum berangkat pulang ke Malaysia, kami dibawa ke Pulau Penyengat untuk melawati bangunan atau tempat peninggalan sejarah serta makam di Raja. Dikhabarkan di sinilah lahirnya Bahasa ibunda kita yang digelar Bahasa Melayu yang digunapakai sehingga ke hari ini. Seterusnya, pulang dari Pulau Penyengat kami dibawa ke pasar pagi untuk membeli cenderahati sebagai kenangan



kepada ahli keluarga dan kawan-kawan. Pasar itu boleh dikategorikan sebagai pasar dalam bangunan yang menjual pakaian, aksesori dan cenderahati. Antara tarikan utama pasar tersebut ialah kain pasang, telekung, kain batik dan kain pelekat. Perjalanan pulang diteruskan dengan menaiki feri ke Malaysia. Kami tiba di PIS pada jam 5.30 petang.

---- SEKIAN ----

*mesra bicara kita berhimpun  
adanya kisah puteri putera  
dua negara kita serumpun  
hanya dipisah pentas samudera*

